



M A L A Y S I A

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 47  
No. 7

**27hb Mac 2003**

*TAMBAHAN No. 32  
PERUNDANGAN (A)*

---

P.U. (A) 82.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MELUDAH  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Larangan meludah
4. Penalty
5. Pembatalan

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MELUDAH  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [P.U. (A) 142/2002], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Larangan Meludah (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“establismen makanan” ertinya mana-mana tempat di mana makanan disedia, diproses, dibungkus, distor, dijual, dihidang atau dipamer untuk jualan bagi makanan manusia;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*]; dan

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang boleh didatangi oleh orang ramai pada bila-bila masa.

**Larangan meludah**

3. Tiada seorang pun boleh meludah di mana-mana premis sekolah, institusi pendidikan, premis pejabat, premis perniagaan, kedai, kompleks membeli-belah, hospital, klinik, pasar, establismen makanan, panggung, panggung wayang, stadium, kompleks sukan, terminal pangangkutan atau tempat awam kecuali di dalam mangkuk tandas atau sinki.

**Penalty**

4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pembatalan**

5. Undang-Undang Kecil Larangan Meludah (Perbadanan Putrajaya) 1998  
[Sel. P.U. 17/1998] dibatalkan.

Dibuat 15 Januari 2003  
[PPj/Undang(A)4-2; PN(PU<sup>2</sup>)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN

*Presiden,  
Perbadanan Putrajaya*

Disahkan 30 Januari 2003

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Perdana Menteri*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PROHIBITION AGAINST SPITTING (FEDERAL TERRITORY OF  
PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-law

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Prohibition against spitting
4. Penalty
5. Revocation

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****PROHIBITION AGAINST SPITTING (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA)  
BY-LAWS 2003**

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [P.U. (A) 142/2002], the Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms the following by-laws:

**Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Prohibition Against Spitting (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“food establishment” means any place where food is prepared, processed, packed, stored, sold, served or exposed for sale for human consumption;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*]; and

“public place” means any open space, parking place, garden, recreation and pleasure ground or square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access.

**Prohibition against spitting**

3. No person shall spit in any school premises, educational institutions, office premises, trade premises, shops, shopping complexes, hospitals, clinics, markets, food establishments, theatres, cinemas, stadium, sports complexes, transportation terminals or public places except in a toilet bowl or sink.

**Penalty**

4. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws commits an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment.

**Revocation**

5. Prohibitions Against Spitting (Perbadanan Putrajaya) By-Laws 1998  
[Sel. P.U. 17/1998] is revoked.

Made 15 January 2003  
[PPj/Undang(A)4-2; PN(PU<sup>2</sup>)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN  
*President,*  
*Perbadanan Putrajaya*

Confirmed 30 January 2003

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Prime Minister*